

18 SEP 1996

DR M DIJANGKA RASMI SIDANG IT TERBESAR

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan merasmikan persidangan teknologi maklumat kebangsaan (INFOTECH MALAYSIA 96') yang bertujuan mengumpul idea dan sumbangan daripada sektor awam dan swasta dalam mewujudkan teknologi maklumat tempatan.

Sebagai pengerusi Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC), Perdana Menteri akan menyampaikan ucapan bertajuk 'Ke Arah Masyarakat Bermaklumat - Mewujudkan Suasana Bagi Perubahan' di persidangan tiga hari bermula 18 Dis di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini itu.

"Persidangan ini adalah satu pertunjukan teknologi untuk menunjukkan kepada ramai bagaimana teknologi itu terjadi," kata ketua pengarah Institut Sistem Mikroelektronik (MIMOS) Datuk Tengku Mohd Azzman Shariffadeen semasa melancarkan INFOTECH 96' dan Pameran Teknologi Maklumat (ITX) di sini hari ini.

"Projek-projek teknologi maklumat sedang dirangkakan dan kini kita telah sampai ke peringkat di mana kita perlu melaksanakan matlamat kita," katanya.

Menurutnya lebih 1,000 peserta termasuk teknokrat IT, pegawai eksekutif, kumpulan profesional, institusi pengajian tinggi dan ahli akademik dijangka menyertainya.

Persidangan itu dianjurkan oleh NITC dengan kerjasama MIMOS dan INTAN.

-- BERNAMA

WNZ OBA